

Headline	Semakan baharu tarif elektrik Semenanjung bermula 2018		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	09 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	14	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	740 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 16,525
Frequency	Daily	PR Value	RM 49,575



Semakan baharu tarif elektrik Semenanjung bermula 2018

■ KUALA LUMPUR 8 JULAI

SEMAKAN tarif elektrik di Semenanjung Malaysia seterusnya adalah pada Januari 2018 selepas kerajaan bersetuju mengekalkan rebat tarif elektrik sebanyak 1.52 sen/kWJ di Semenanjung bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Disember, tahun ini.

Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KETTHA) Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang berkata, semakan kos pembekalan elektrik adalah dilaksanakan oleh Suruhanjaya Tenaga di bawah dasar *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) pada setiap enam bulan sekali.

“Semakan terkini telah dibuat bagi tempoh Januari hingga Jun 2017.

“Tetapi, pada 30 Jun 2017, kerajaan telah bersetuju membelan-

jakan sebanyak RM1.303 bilion untuk menampung peningkatan kos bahan api dan penjanaan bekalan elektrik kepada Semenanjung bagi tempoh Julai hingga Disember tahun ini,” katanya dalam program temubual “Ruang Bicara” terbitan *Bernama News Channel* pada Rabu.

Turut serta dalam program itu, Naib Presiden (Perancangan dan Ekonomi Kawal Selia) TNB, Datuk Roslina Zainal.

Zaini berkata, perbelanjaan sebanyak RM1.303 bilion tersebut diterjemahkan pada kadar 2.54 sen/kWj, di mana 1.52 sen/kWJ digunakan untuk mengekalkan rebat tarif elektrik dan 1.02 sen/kWj digunakan untuk menampung surcay yang terus bayar kepada penjana kuasa seperti Tenaga Nasional Bhd.

“Ini bermaksud kerajaan telah mengadakan pelepasan caj yang sepatutnya dikenakan kepada pengguna, tetapi kita telah mengambil keputusan untuk mengekalkan rebat ICPT pada kadar 1.52 sen/kWj untuk memastikan pengguna da-

pat bekalan elektrik pada kadar tarif yang sama,” katanya.

Selain itu, Zaini berkata, semakan tentang tarif asas (base tariff) akan datang juga akan dilakukan pada Januari 2018.

dengan pembekalan elektrik ke pengguna. - BERNAMA

Pada 30 Jun 2017, kerajaan telah bersetuju membelanjakan sebanyak RM1.303 bilion untuk menampung peningkatan kos bahan api dan penjanaan bekalan elektrik kepada Semenanjung bagi tempoh Julai hingga Disember tahun ini.”

DATUK SERI IR DR ZAINI UJANG

Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KETTHA)

“Pada ketika ini, tarif asas yang disemak setiap tiga tahun adalah pada kadar tetap iaitu 38.53 sen/kWj,” katanya.


Tarif asas mengambil kira harga asas bahan api utama seperti gas berpaip, arang batu dan gas asli cecair.

Ia juga mengambil kira kos penyelenggaraan operasi dan pembangunan pihak utiliti termasuk “Return on Regulated Asset Base” (RORB), dan ditetapkan oleh kerajaan untuk tempoh empat tahun bermula 1 Jan 2014 hingga 31 Dis 2017.


Penentuan tarif elektrik di Semenanjung dibuat mengikut kerangka IBR yang terdiri daripada dua komponen utama iaitu ICPT dan tarif asas.

Tarif asas adalah untuk menampung semua kos berkaitan

Headline	Semakan baharu tarif elektrik Semenanjung bermula 2018		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	09 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	14	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	740 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 16,525
Frequency	Daily	PR Value	RM 49,575



KESAN PERUBAHAN HARGA BAHAN API KE ATAS TARIF ELEKTRIK



Headline	Semakan baharu tarif elektrik Semenanjung bermula 2018		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	09 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	14	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	740 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 16,525
Frequency	Daily	PR Value	RM 49,575

